



# Wawancara

## Perjalanan PPUMS Bersama Datuk Pendaftar

1. **Terlebih dahulu pihak PPUMS ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Datuk kerana sudi meluangkan masa untuk diwawancara. Bilakah Datuk mula menceburkan diri dalam PPUMS?**

Saya telah mula menceburkan diri dalam PPUMS pada tahun 2002. Pada masa itu saya merupakan seorang Timbalan Pendaftar. Bersama beberapa orang rakan, kami telah bersama-sama berbincang melalui satu Jawatankuasa Portem untuk menubuhkan PPUMS. PPUMS telah berdaftar secara rasmi sebagai Persatuan pada tahun 2005.

2. **Sebagaimana yang kita lihat, PPUMS ini dilihat sebagai satu persatuan yang menitikberatkan kebajikan kakitangan. Jadi apakah perasaan Datuk sebagai di antara orang terawal mencetuskan idea menubuhkan persatuan ini?**

Saya rasa ini adalah satu usaha yang murni untuk mewujudkan satu persatuan yang bertujuan untuk menjaga kepentingan ahli, serta melakukan kerja sukarela dan yang lebih penting sekali ialah dapat menyumbang terhadap kesejahteraan dan juga kemajuan kerjaya kakitangan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Apabila disebut tentang kemajuan kerjaya, saya rasa persatuan ini juga secara tidak langsung membantu menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi oleh Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) melalui Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ). Semua masalah samada melibatkan kenaikan pangkat, ataupun perkhidmatan, latihan dan kursus-kursus termasuk masalah kebajikan seperti pembiayaan perubahan yang dihadapi oleh kakitangan boleh disalurkan melalui persatuan ini dan persatuan inilah yang akan membawa isu-isu tersebut kepada Pengurusan Universiti untuk pertimbangan. Ini merupakan satu ruang di mana kepentingan ahli dapat dipertahankan dan dapat didengar oleh pengurusan Universiti. Malahan kerajaan pusat juga mewajibkan setiap Badan Berkanun mempunyai ruang untuk membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh kakitangan melalui persatuan. Di UMS, kita telah mempunyai 3 persatuan iaitu PPUMS,

PERISAI dan KEKAUMAS. Setakat ini, PPUMS bergerak aktif dengan mengadakan aktiviti-aktiviti yang telah memberikan manfaat kepada ahlinya sendiri dan ini merupakan satu perkara yang amat baik. Walaubagaimanapun, seperti yang telah saya katakan di awal tadi, walaupun UMS telah ditubuhkan pada tahun 1994, idea untuk menubuhkan PPUMS hanya timbul pada tahun 2002 iaitu selepas tujuh tahun UMS ditubuhkan.

3. **Boleh Datuk kongsi, apakah halangan yang dihadapi oleh barisan Pegawai Pengurusan dan professional pada masa lampau untuk menubuhkan persatuan ini lebih awal? Kenapakan idea penubuhan PPUMS hanya selepas 7 tahun UMS ditubuhkan?**

Salah satu sebabnya adalah pada ketika itu, kita terlalu menitikberatkan pembangunan dan infrastruktur Universiti. Dan kita tidak begitu menekankan tentang pengisian Universiti itu sendiri. Ini bukan sahaja melibatkan pengurusan kakitangan malah dari segi akademik. Contohnya, dalam bidang akademik, kita mementingkan dari segi mewujudkan sekolah itu sendiri dan program sekolah tersebut. Diantara sekolah yang terawal ialah SSS, SST, SPE dan PPIB. Begitu juga dengan pembentukan pengurusan Universiti termasuk pembentukan persatuan-persatuan seperti ini.

Walaubagaimanapun, pada pendapat saya, walaupun PPUMS ini lambat ditubuhkan, tapi saya dapat melihat bahawa pada masa kini PPUMS lebih maju ke hadapan. Sejajar dengan itu, Kita juga dapat melihat pengurusan Universiti yang lebih teratur, seperti yang dinyatakan oleh Naib Canselor dalam amanatnya, sudah tiba masanya kita patut memikirkan kursus-kursus yang ditawarkan disetiap Sekolah agar memenuhi kehendak dan pasaran semasa. Begitu juga dengan kakitangan bukan akademik, kita sudah semakin memikirkan hala tuju dan memikirkan bagaimana untuk mendapatkan kakitangan yang sesuai melalui pengurusan bakat yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

**4. Sejak penubuhan PPUMS ini, banyak perkara-perkara menarik telah dilalui oleh datuk. Boleh Datuk kongsi bersama.**

Ya... memang amat banyak perkara menarik yang telah saya lalui. Walaubagaimanapun, sejak saya mengambil alih jawatan sebagai Pendaftar, saya sudah tidak melibatkan diri secara langsung dalam PPUMS, saya hanya sebagai penyokong dan pengasas kepada penubuhan PPUMS. Saya akan sentiasa memberikan sokongan yang tidak pernah berbelah bagi kepada PPUMS kerana saya melihat fungsi dan objektif PPUMS yang telah membawa banyak kebaikan kepada ahlinya.

**5. Apakah harapan Datuk terhadap PPUMS?**

Saya amat mengharapkan agar PPUMS akan menjadi badan yang akan memberikan peranan penting dalam pengurusan Universiti. Apabila disebut tentang peranan, seharusnya kita mampu menilai apakah perkara yang diperlukan oleh kakitangan Pengurusan dan Profesional yang mungkin tidak dapat disumbangkan oleh pengurusan Universiti tapi dapat disumbangkan oleh persatuan samada dari segi idea ataupun penajaan kewangan. Banyak perkara yang persatuan boleh buat, bukan sahaja membantu menyelesaikan masalah ahli tetapi menjadi penyumbang utama dalam kemajuan Universiti.

Secara tidak langsung, jika ianya mantap PPUMS boleh memberikan dorongan kepada ahli untuk menjadikan kakitangan yang lebih bermotivasi dalam bekerja, berpengetahuan dan berilmu tinggi.

**6. Jika dilihat daripada statistik, masih terdapat 40% kakitangan P&P yang tidak menyertai PPUMS. Jadi, apakah pesanan dan nasihat datuk terhadap kakitangan ini?**

Nasihat saya mudah sahaja.. pertama sekali, anda sebagai ahli PPUMS mesti mempamerkan apakan yang anda rasai sebagai ahli PPUMS? Apakah kebaikan yang diperolehi yang boleh menjadikan mereka cemburu dengan tidak menjadi seorang ahli, apakah keistimewaan sebagai ahli? PPUMS merupakan satu ruang untuk menyalurkan pendapat atau masalah kepada pengurusan Universiti untuk didengar. Selain daripada itu, kamu perlu mewujudkan satu jawatankuasa khas untuk meningkatkan ahli dalam persatuan...

**7. Kata-kata hikmah Datuk:**

Pertama sekali kita harus bersyukur kerana diberi peluang oleh Maha Esa untuk bekerja di UMS ini walau apapun jawatan kita. Bersyukur dengan erti kata bahawa kita diantara golongan yang disayangi oleh Tuhan kerana diberi peluang bekerja di sini. Apabila kita bersyukur, kita juga bertanggungjawab untuk menyumbang kembali tentang apa benda baik yang diberi tuhan kepada kita. Dengan bersyukur, kita akan berasa lebih fokus dan bahagia dalam diri kita. Kita harus memikirkan bahawa setiap tugas merupakan satu tanggungjawab yang wajib dipikul dan bukannya hak kita. Oleh itu, marilah kita sama-sama bersyukur, bertanggungjawab dan bagaimana kita mengaitkan sumbangan kita kepada masyarakat.



*Bersama Menjana Kecemerlangan  
Satu Arah Satu Tujuan*

*Tahniah*

**PROF. DR. MOHD HARUN ABDULLAH**

Di atas pelantikan sebagai Naib Canselor Ke-4 Universiti Malaysia Sabah pada 18 Jun 2012

*“Hanya orang yang ikhlas akan berfikir untuk mempermudah urusan orang lain. Saya menyeru semua staf UMS agar mengamalkan pendekatan memudahkan bukan menyusahkan, bertindaklah secara proaktif, bukan secara reaktif”*

Daripada Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) Universiti Malaysia Sabah